

CETAK & SUKMA

Personaliti Anda



WAWASAN
PENABUR

Cetak Sukma dan Personaliti Anda

Tajuk	: Cetak Sukma dan Personaliti Anda
Penulis	: Lee Bee Teik ©2004
Penterjemah	: Christine Lai
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr. Lee Bee Teik ialah pengasas dan direktor untuk Pelayanan Reconre (www.reconre.org). Beliau adalah seorang doktor perubatan terlatih tetapi mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya perubatan bagi mendampingi sepenuh masa anak-anaknya membesar. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan melayani hamba-hamba penuh masa Tuhan melalui pelayanan kaunseling dan retreat. Dr. Lee juga giat dalam pelatihan kaunseling bimbingan dan nasihat, serta memfasilitasi seminar & retreat peribadi atau kelompok kecil. Beliau adalah isteri Bishop (Dr.) Hwa Yung dari Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa.

Hakcipta © 2012 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara/bentuk apa-apa sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/pengarang kecuali petikan ringkas yang tertentu dalam artikel/risalah dan ulasan.

Cetak Sukma & Personaliti Anda

Anda adalah *Istimewa*...

“Anda adalah sangat istimewa,
tiada seorang pun yang sepertimu!

Tuhan telah menciptamu
sebagai seorang yang istimewa,
tiada seorang pun yang sepertimu!”

Apa itu “Cetak Sukma”?

Ada orang yang mengatakan selepas Pencipta kita menciptakan setiap insan, Dia membuang acuan itu. Setiap orang yang lahir ke dalam dunia ini adalah unik, bukan sahaja dari segi rupa dan penampilan, tetapi juga dalam cara dia berfungsi setiap hari. Kombinasi beberapa sifat dalam kebolehan anda berfikir, berasa dan berazam untuk melakukan sesuatu, misalnya, membentuk cetak sukma anda.

Sama seperti cap jari merupakan satu kualiti fizikal yang unik untuk anda, begitulah cetak sukma anda yang menjadi seperti satu cap unik untuk jiwa dan roh anda. Jika cap jari anda membezakan anda daripada orang lain, ia hanya sekadar di kulit luaran sahaja. Tetapi cetak sukma (Bahasa Inggeris: *soul print*) atau ‘cap jiwa’ anda adalah apa yang Tuhan telah menjadikan anda sekarang, serta

apa yang telah ditakdirkan untuk anda menjadi. Cetak atau cap ini adalah sebenarnya yang mencerminkan imej Tuhan. Ada yang menyebut kumpulan anugerah pemberian unik dari Tuhan ini sebagai temperamen atau tabiat semulajadi.

Temperamen + Keperibadian = Personaliti¹

Beberapa Definasi

A. Temperamen

Menurut Kamus Webster, temperamen adalah “Keadaan fikiran dan fitrah yang menjadi kelaziman atau kecenderungan semulajadi, bakat dan kelemahan asas seseorang.” Kamus Dewan & Pustaka pula mendefinasikannya sebagai “sifat batin yang mempengaruhi kelakuan seseorang seperti periang, pendiam, pemarah dsbnya.”

Penggunaan bakat-bakat ini adalah Fungsi-fungsi Campuran Bakat Asas Ciptaan yang Unik (*Unique Basic Creation Gift-Mix Functions*). Pengungkapan bakat-bakat ini bergantung sepenuhnya kepada peluang-peluang yang ada. Ia boleh ditentukan oleh dosa, asuhan dan/atau persekitaran. Fungsi-fungsi ini juga boleh menjadi kekuatan atau kelemahan kita.

Dari pandangan secara peribadi, bayangkan apabila anda dilahirkan, Allah memberikan anda anugerah dan bakat. Salah satu daripadanya ialah sebuah dulang yang mengandungi anak-anak benih untuk anda pelihara sehingga menjadi matang. Temperamen atau ‘cetak sukma’ (cap jiwa) anda ialah satu gabungan yang terdiri daripada empat fungsi asas untuk anda pergunakan dalam hidup di dunia ini sebaik sahaja anda dilahirkan.

B. Keperibadian

Kamus Webster mendefinasikannya sebagai “kekuatan moral atau susunan moral”. Sementara Kamus Dewan & Pustaka pula mendefinasikannya sebagai “sifat seseorang yang zahir dan batin, yang merangkumi budi pekerti dan tabiatnya, tingkah lakunya, jiwanya dan pemikirannya.”

Bagaimana kita menggunakan temperamen kita bergantung kepada keperibadian dan karakter Tuhan di dalam diri kita . Adakah itu dengan cara yang matang atau kanyiar (tidak matang), suci atau berdosa.

Bagaimana kita mengendalikan temperamen kita:

Jikalau dikendalikan menurut cara Tuhan

→ kita akan menghasilkan buah-Nya

Jikalau dikendalikan menurut cara Sang Musuh

→ kita akan menghasilkan buah yang lain,
seperti buah si musuh atau buah sendiri

C. Personaliti

Definasi Kamus Webster ialah “pola lazim dan kualiti kelakuan seseorang individu seperti yang dinyatakan oleh aktiviti-aktiviti jasmani, mental dan sikapnya; ia meliputi kualiti-kualiti tersendiri individu tersebut.” Kamus Dewan & Bahasa pula mendefinisikannya sebagai “perwatakan atau keperibadian seseorang.”

Individu yang unik hasil daripada perhubungan kita dengan orang lain boleh berubah kerana transformasi perwatakan kita oleh Roh Kudus apabila akal fikiran kita diperbaharui oleh kebenaran-Nya.

Ringkasan

- ⌚ **Temperamen** dipengaruhi oleh gen-gen dan asuhan/didikan yang tidak sempurna.
- ⌚ **Perwatakan** dipengaruhi oleh firman Tuhan dan Roh Kudus, samada secara langsung atau tidak langsung.
- ⌚ **Personaliti** ialah apa yang kita lihat dalam satu sama lain. Ia adalah hasil anugerah dan bakat yang Tuhan telah berikan kepada anda dan bagaimana anda menggunakaninya.

Kita boleh mengagak daripada definisi-definasi di atas bahawa personaliti kita boleh mengalami transformasi yang berterusan, terpulang kepada kerelaan diri kita

sendiri untuk mengikut jalan Tuhan dalam penggunaan cetak sukma kita yang belum lagi sempurna.

Oleh yang demikian, kita tidak boleh menganggap bahawa:

“Saya dilahirkan begini, jadi saya akan selalu seperti ini!”

“Apabila perhubungan kita menjadi buruk,
itu bukan kesalahan saya...
saya tidak boleh berubah...

lebih baik kamu menyesuaikan dirimu dengan cara saya!!”

Jadi, jika anda mendasarkan identiti anda pada Kristus, anda sama sekali dapat mengelakkan krisis ini. Jaminan keselamatan anda diasaskan pada keteguhan kasih Tuhan yang tidak pernah berhenti. Identiti anda terdapat dalam Dia yang sama pada hari kelmarin, hari ini, dan selama-lamanya. Yesus Kristus menjadi batu asas anda.



Apakah Empat Fungsi Asas Temperamen Anda?²

Dengan menggunakan konsep dan kata-kata Myers-Briggs (pasangan ibu-anak perempuan yang berkecimpung dalam bidang kajian psikologi):

Dalam kehidupan seharian kita, ada empat fungsi asas yang kita selalu gunakan tanpa menyedari apa yang sedang berlaku dalam diri kita. Mereka adalah:



Bagaimana kita mencas semula tenaga dalaman emosional kita

Ahli psikologi menghuraikan manusia dengan fungsi-fungsi alternatif ini sebagai:

Introvet atau Ekstrovet

Introvet

Mereka yang lahir dari anak benih introversi yang lebih tinggi perlu kerap-kali mencas semula tenaga dalaman mereka dengan cara menjauhkan diri daripada rangsangan luaran orang lain, bunyi atau pandangan, terutamanya daripada orang ramai.

Introvet tidak semestinya seorang yang pendiam, tetapi ia adalah satu fungsi di mana orang tersebut perlu menyendiri bagi mencas semula bateri emosi mereka. Apabila dia menghadapi sesuatu situasi, terutamanya

yang ekstrim, dia harus menyisihkan diri daripada orang ramai. Jikalau dia tidak melakukannya, atau tidak dapat menarik diri dari orang ramai, dia mungkin hanya boleh bertahan dan berkelakuan waras untuk seketika. Introvert boleh menjadi lekas marah, tidak rasional atau amarah mereka “meletup-letup” ke atas orang yang ada di sekeliling mereka, bahkan terhadap orang yang mereka sayangi di dalam keluarga mereka. (Sila ambil perhatian bahawa memang terdapat banyak sebab untuk orang berkelakuan sedemikian, contohnya perbuatan berniat jahat yang sengaja dilakukan dengan kemarahan yang meluap-luap. Tetapi kita hanya mempertimbangkan faktor temperamen di sini). Akan tetapi, kalau diberi peluang untuk mencas semula, kebanyakan introvert boleh dan dapat berfungsi dengan baik dalam kehidupan serta kerja sehari-hari mereka.

Mereka juga lebih bersifat reflektif dan cenderung untuk merenung/memikir secara mendalam isu-isu sebelum mereka memberitahu orang lain hasrat dan fikiran sebenar mereka. Adalah lebih susah untuk mengenal seseorang yang terlambau introvet kerana dia hanya akan mendedahkan diri sebenarnya apabila dia telah betul-betul mempercayai anda. Kadang-kadang proses untuk mempercayai orang lain mungkin mengambil masa yang lama, termasuklah pasangan suami-isteri.

Sepanjang 20 tahun dalam memberi pastoral kaunseling, saya mendapati lebih kurang 90% daripada mereka yang datang kepada saya adalah introvet yang ekstrim. Kenapa? Saya menyimpulkan ini kerana mereka yang introvet tidak mudah mengetahui fikiran, motivasi dan

perasaan sebenar mereka. Jadi kawan-kawan mereka sentiasa perlu meneka bagaimana hendak berhubung dengan mereka. Akhirnya salah faham pun terjadi di kedua belah pihak. Perkara-perkara perbezaan pendapat yang kecil dan remeh boleh menjadi “prinsip penting” dalam perdebatan. Ini akan mengakibatkan satu putaran perhubungan peribadi dan sosial yang begitu melelahkan secara emosi.

Ekstrovet

Mereka yang lahir dari anak benih ekstroversi yang lebih tinggi mencaskan semula tenaga dalaman mereka dengan menerima rangsangan dari luar. Jadi, lebih bising dan lebih ramai orang yang berinteraksi dengannya, lebih meriah! Ekstrovet berkembang maju atas perbualan (selalunya cenderung untuk mendominasi perbualan dengan percakapan monolog mereka), dan bunyi serta aktiviti-aktiviti yang tidak putus-putus. Jadi apabila mereka datang melawat anda atau dalam perjalanan ke sesuatu tempat, anda mungkin perlu memberi isyarat kepada mereka untuk pergi atau berhenti. Seringkali mereka kurang sensitif terhadap keperluan introvet yang ada di sekeliling mereka, kecuali dan sehinggaalah mereka menerima akibat daripada ketidakpekaan itu! Akan tetapi, kalau ‘wayar hidup’ diperlukan untuk merangsang satu majlis atau parti, ekstrovet selalu dialu-alukan ... sampailah ketika mereka bercakap terlalu banyak!



Bagaimana kita menerima maklumat daripada dunia luar di sekeliling kita

Ahli psikologi menghuraikan manusia dengan fungsi-fungsi alternatif ini sebagai:

Penderia atau Intuitif

Penderia

Mereka yang lahir dari anak benih fungsi penderia yang lebih tinggi mendapat sebahagian besar input maklumat mereka melalui panca indera jasmani iaitu dengan melihat, mendengar, menghidu, merasa dan menyentuh. Mereka suka bukti yang kuat dan ketara sebelum menerima suatu maklumat sebagai fakta. Individu-individu penderia boleh dianggap bersifat menghakimi kepada mereka yang tidak menerima maklumat seperti mereka. Mereka cenderung akan mencabar “kebenaran” sesuatu pemerhatian. Isu mengenai fungsi temperamen yang berbeza mungkin mencetuskan perdebatan yang tidak penting antara “prinsip” dan “hati nurani”. Penderia menghargai keperincian dan kebanyakannya mereka rapi dan kemas dalam kerja mereka.

Intuitif

Mereka yang lahir dari anak benih fungsi intuitif yang lebih tinggi mendapat kebanyakan input maklumat melalui intuisi, yang kadang-kadang dipanggil indera keenam atau gerak hati. Pada umumnya, hanya masa yang akan membuktikan samada perkataan mereka benar atau tidak. Oleh itu, selalunya orang intuitif cenderung terlibat dalam masalah dengan orang penderia yang menganggap mereka sebagai tidak tepat dalam merakam dan memberi

maklumat, walaupun sebenarnya mereka tidak begitu. Dalam perhubungan perkahwinan dan antara ibu bapa-anak, terutama sekali apabila salah satu pihak merupakan seorang yang lebih cerewet (yang mementingkan kesempurnaan) dan/atau mendominasi, ketegangan emosi mungkin akan terkumpul sehingga menjadi punca satu pertelingkahan atau perpisahan. Tuduh-menuduh mungkin akan merosakkan perhubungan mereka.

“Aiyohhh...kalau lah mereka boleh lebih memahami diri mereka sendiri!”

Akan tetapi, apabila tenaga dan kuasa kreatif dalam seorang intuitif dibenarkan bermekar, mereka boleh menjadi seolah-olah rempah asli kehidupan ini!



Bagaimana kita membuat keputusan atau membolehkan orang lain mengetahui apa yang ada di dalam diri kita

Hanya fungsi ini sahaja yang berkecenderungan berbeza mengikut jantina secara signifikan. Kaum perempuan lebih cenderung merasa sementara kaum lelaki lebih cenderung berfikir. Ahli psikologi menghuraikan manusia dengan fungsi-fungsi alternatif sebagai:

Berfikir atau Merasa

Fungsi ini tidak ada kena-mengena dengan darjah kepintaran. Seorang yang mempunyai I.Q. yang tinggi mungkin cenderung merasa dengan mendalam, sedangkan seorang yang mempunyai I.Q. yang lebih rendah mungkin akan lebih cenderung berfikir.

Berfikir

Mereka yang lebih banyak berfikir akan bercakap dengan lojik, berdebat dengan lebih sistematik dan membuat keputusan yang disokong oleh pemikiran yang jelas.

Fungsi ini lebih senang dipelajari, diteladani atau ditiru kerana lebih senang difahami, dilihat dan disanjungi oleh dunia. Namun demikian, fungsi ini telah ditingkatkan sehingga seringkali menjaskan si pemunya atau mereka yang mempunyai anugerah bakat yang berlainan. Mereka tidak dapat memahami bahawa keputusan mungkin boleh dibuat dan seringkali dapat dicapai dengan cara lain, dengan keputusan yang sama baik, atau bahkan lebih baik, terutama dalam situasi penggenal-pastian dengan orang lain. Tambahan lagi, perhubungan selalu menjadi rosak oleh pandangan sempit orang-orang pemikir.

Merasa

Mereka yang lebih berfungsi merasa berkecenderungan untuk bercakap dalam cara yang lebih berbelit-belit. Mereka membuat keputusan secara refleksif dengan hati lebih daripada kepala (akal budi). Ini adalah kerana mereka cenderung untuk merasai perasaan orang lain akibat kesan kata-kata dan keputusan yang dibuat. Oleh

itu mereka keberatan mengambil pendirian muktamad sehingga lah mereka dapat menyenangkan semua pihak yang terlibat. Mereka lebih rela mengambil masa yang panjang untuk membuat keputusan dan sering kali teragak-agak sebelum memutuskan isu-isu kecil atau besar. Sudah tentu kelambatan dan tidak ada pendirian mereka sering kali membuat orang yang berfungsi berfikir naik berang. Kenapa? Kerana pemikir akan menganggap orang yang perasa itu sebagai tidak tegas dan/atau tidak dapat memutuskan sebarang isu walaupun mereka sebenarnya bukan begitu.

“Oh...sampai bilakah mereka akan belajar!” mungkin akan bermain dalam fikiran kebanyakan individu yang berfikir apabila mereka berdepan dengan orang yang lebih berperasa di rumah atau di pejabat³.



Bagaimana kita menjalankan kehidupan sehari-hari kita – gaya hidup kita

Ahli psikologi menghuraikan manusia dengan fungsi-fungsi alternatif sebagai:

Menghakimi atau Menanggapi

Akan tetapi, saya mahu mengubah kata sifat ini kepada “Kaku dan Fleksibel” kerana itu lebih tepat menggambarkan dan membezakan fungsi yang bertentangan ini.

Kaku

Orang yang kaku (*rigid*) perlu merancang rutin sehari-hari mereka dengan terperinci dan berusaha sedapat mungkin untuk mengikutinya. Mereka mudah kecewa jika rancangan-rancangan mereka perlu diubah dengan tiba-tiba. Ramai orang yang berkecenderungan mahukan kesempurnaan (*perfectionist*) memiliki fungsi ini dan selalunya susah disembuhkan. Akan tetapi, mereka merupakan pekerja yang baik dan rajin.

Fleksibel

Orang yang fleksibel juga merancang tetapi mereka boleh menerima perubahan yang tidak dirancangkan. Sebab itulah mereka merupakan individu yang lebih tenang. Namun mereka kurang berdisiplin apabila menghadapi terlalu banyak perubahan sekaligus. Apabila orang yang mengkehendaki kesempurnaan belajar membaharui fikiran mereka dan dipulihkan melalui pemahaman yang lebih mendalam tentang kasih anugerah Tuhan, mereka diperhatikan boleh berubah menjadi lebih fleksibel dan relaks juga.

Perubahan yang mempengaruhi pasangan fungsi ini nampaknya mempengaruhi setiap bahagian kehidupan sehari-hari seseorang. Ini adalah kerana ia menentukan bagaimana seseorang itu menguruskan hidupnya. Gaya hidup sehari-hari ini mempengaruhi fikiran dalam dan emosi seseorang dan juga perhubungannya dengan orang di sekelilingnya.

Tanda Khusus Campuran Bakat atau Cetak Sukma Anda

Keseluruhan personaliti anda bergantung kepada kombinasi aneka fungsi yang anda miliki dan darjah setiap fungsi itu.

Contoh

Seorang yang bersifat Introvet-Penderia-Berfikir-Kaku atau Introvet-Penderia-Perasa-Kaku kadang-kadang dipanggil sebagai **penstabil** kerana dia dapat melihat sesuatu projek atau membimbang sebuah jawatankuasa menyelesaikan sesuatu misi sebelum sesuatu yang baru dimulakan dengan tergesa-gesa. Ini amat bernilai sekali apabila ada orang dalam pasukannya yang bersifat Ekstrovet-Intuitif-Perasa-Fleksibel atau Ekstrovet-Intuitif-Berfikir-Fleksibel yang merupakan seorang **crusader**. Orang sebegini mempunyai banyak tenaga untuk memulakan sesuatu dan mendorong orang lain untuk menjalankan sesuatu projek. Tetapi apabila keghairahannya mula menurun, dia mungkin meninggalkan projek itu setengah gantung, yang sangat menakutkan para penstabil!



Bagaimana Pemahaman Keunikan Identiti (Cetak Sukma) Menolong Kita

Ingat

Temperamen + Keperibadian = Personaliti

1. Dalam Perhubungan Peribadi Kita Dengan Tuhan

Kita semua bersetuju bahawa Allah menciptakan setiap insan itu unik dalam personaliti mereka. Oleh itu, dalam keadaan tertentu, di mana Dia berhubung dengan kita, kita boleh menjangka Dia akan berbicara dalam cara yang hanya kita sahaja yang boleh memahaminya. Dalam perkataan lain, anda tidak boleh mendengar dari Tuhan untuk saya atau saya mendengar dari Tuhan untuk anda. Ini mungkin kedengaran sangat menakutkan kerana kita mungkin akan salah dengar dan tidak ada orang yang boleh menolong kita. Ya, ini mungkin boleh berlaku. Mungkin kerana itulah, Tuhan dalam hikmat-Nya telah meninggalkan kepada kita catatan bertulis firman-Nya kepada umat-Nya yang menulis Perjanjian Lama dan Baru. Firman tertulis-Nya bertindak sebagai garis panduan untuk kita menyemak dan menyemak kembali apa yang kita dengar.

Namun begitu, apa yang kita cuba terangkan di sini ialah Dia selalu berbicara kepada kita melalui cetak sukma yang Dia telah anugerahkan kepada kita. Tetapi kita mungkin tidak mendengar-Nya. Kenapa? Ini kerana

seringkali ajaran kurang tepat yang tidak disengajakan mengajar kita membaca Alkitab atau berdoa dalam cara yang tertentu. Tetapi kalau antena saya berbeza daripada antena anda, kod pesanan Tuhan yang dimaksudkan untuk saya mungkin tidak dapat saya tafsirkan kalau saya menggunakan antena anda. Jadi, kita mahu menggalakkan satu sama lain untuk bebas berusaha memahami personaliti kita supaya kita boleh menerima terus kasih Tuhan dalam firman-Nya yang dikhkususkan untuk setiap kita.⁴

Seterusnya apabila seorang anak Tuhan mula mengerti bahawa “Yesus mengasihi saya”, dan bukan orang lain, keseluruhan hidupnya akan berubah dan tidak akan sama lagi. Persahabatannya dengan Tuhan yang bertumbuh akan membawanya melalui ribut badai kehidupan di dunia ini dengan satu keyakinan bahawa hadirat Tuhan selalu bersamanya, sama seperti Tuhan ada bersama dengan Abraham dan Musa! Ya, dia mungkin kembali berdosa dan berhenti berbicara dengan Tuhan untuk seketika, tetapi dia akan cepat mengenal keadaannya. Satu hari nanti, dia akan ingin kembali kepada Tuhan dan pasti akan kembali. Semuanya adalah kerana perjanjian kasih anugerah-Nya. Persahabatan dengan Tuhan yang hidup ini akan mengubah pandangan dunia dan hidup ini untuk kebaikan diri dan kemuliaan Tuhan!

2. Dalam Perkahwinan

Banyak perkahwinan telah diselamatkan melalui pemahaman fungsi-fungsi asas manusia. Pasangan suami isteri mendapat lebih senang untuk saling memaaf-

kan apabila mereka menyedari bahawa kebanyakannya konflik bermula daripada perkara-perkara yang remeh. Bagaimanapun, apabila perkara-perkara remeh diperbesarkan atau isu-isu mustahak dikesampingkan kerana mereka tidak mengetahui apa yang berlaku di permulaan satu pertengkaran, mereka tidak akan tahu bagaimana untuk menghentikan masaalah itu supaya satu penyelesaian damai dapat dicapai.

3. Dalam Kehidupan Keluarga

Ramai anak-anak dilukai apabila ibu bapa mereka tidak menerima mereka seadanya, samada dengan sengaja ataupun tidak sengaja. Tetapi kanak-kanak yang lebih kecil tidak dapat menerangkan perasaan atau tindak-laku mereka secara waras dan hanya bertindak-balas secara refleksi dengan emosi. Apabila mereka tidak dibenarkan untuk menjelaskan kenapa dan bagaimana perasaan mereka terhadap ibu bapa mereka, mereka akan berakhir dengan memperlakukan trauma dalaman ini melalui tindakan seperti melepak, menagih dan melakukan perbuatan seksual yang belum tiba waktunya. Jikalau mereka tidak memperlakukan kehampaan mereka, ramai yang berakhir dengan ketidaksiuman. Ada pula yang akan menderita tekanan dan sakit jiwa apabila terlalu terdesak. Sebagai orang tua, ibu bapa dituntut untuk memimpin dan jangan membiarkan anak-anak muda yang masih tidak matang menjelajah bebas ke mana sahaja dibawa oleh nafsu dan kehendak mereka.


Anak-anak perlu menerima ibu bapa mereka seadanya dan begitulah juga sebaliknya. Tuhan menggunakan ibu

bapa dan anak-anak untuk menyucikan, mengalakkan dan memperbaiki antara satu sama lain, sama seperti suami dengan isteri.

4. Dalam Kehidupan Sosial/Komuniti di gereja, tempat kerja, kejiran dan masyarakat umum

Banyak jawatankuasa kerja dan lembaga mensiasakan banyak masa dan usaha untuk cuba menyelesaikan masaalah-masalah perhubungan tanpa mencapai apa-apa keberhasilan. Banyak juga usaha tenaga kerja yang sia-sia begitu sahaja. Sebenarnya dengan sedikit pemahaman asas tentang temperamen, kecekapan boleh dicapai dengan lebih cemerlang.

Bagaimana kita boleh menolong diri kita sendiri?



1. Tolak mitos yang salah mengenai diri anda

*"Kalau saya dilahirkan begini, saya akan selalu begini...
jadi jangan harap saya dapat dan akan berubah untuk
menyesuaikan kamu!"*

Akuilah dosa anda. Tuhan dapat mengubah diri anda. Roh Kudus mampu melakukan transformasi atas hidup anda.

2. Terima kelemahan anda

Dengan bertumbuh dalam usia dan pengalaman, mereka yang telah mengenal keperluan dalaman mereka melalui pelbagai percubaan dan kesilapan, akan dapat berfungsi lebih baik di dalam keluarga dan masyarakat. Yang selebihnya pula memerlukan bantuan dari luar untuk memahami diri sendiri agar mereka boleh hidup dan bertumbuh sebagai orang-orang sihat yang dicipta mengikut gambaran Tuhan. Itulah tujuan buku ini ditulis!

3. Terbukalah untuk perubahan peribadi

Adakah anda rela dan terbuka untuk diajar supaya fikiran anda diperbaharui dan emosi anda dapat dikawal? Adakah anda sanggup untuk bersikap lebih proaktif untuk perubahan dalam kehidupan anda yang bernilai ini? Ianya bernilai kerana Tuhan begitu mengasihi anda.

4. Buat keputusan dan bertindaklah

Tidak ada sesiapa pun yang boleh mengubah diri kita jika lau kita tidak mahu diubah. Tuhan telah memberikan setiap orang kebebasan untuk memilih. Sekiranya Dia mengambil anugerah kebebasan daripada kita, kita akan menjadi kurang daripada manusia. Dia hanya menanti dengan sabar untuk melihat bagaimana dan apa yang kita pilih; samada kita akan memihak atau menentang gambaran yang Dia telah berikan kepada

kita, termasuklah Anak-Nya sendiri. Kita pula akan berdepan dengan akibat daripada pilihan kita sendiri. Itulah hukum rohani-Nya untuk kita. Apabila kita memilih untuk menjadi lebih seperti-Nya, Dia akan menggenapinya. Janji ini telah diperuntukkan dalam sejarah melalui kelahiran, kematian dan kebangkitan Anak-Nya, Yesus.



Renungan & Perbincangan

Ambil masa untuk merenung, mencatat dalam jurnal dan berdoa semasa anda menghabiskan masa bersendirian dengan Tuhan dalam waktu teduh seharian anda. Anda mungkin ingin berkongsi dengan seorang kawan karib selepas ini dan berdoa bersama-sama.

1. Apakah cetak sukma saya yang telah dikurniakan oleh Tuhan (kombinasi fungsi-fungsi asas manusia)?
2. Bagaimana saya telah menggunakan bakat-bakat daripada fungsi-fungsi dalam hidup saya setakat ini?
3. Apakah yang dikatakan oleh Tuhan Pencipta kepada saya?

Rujukan:

- ¹ *A Passion for Holiness*
oleh J.I.Packer, Crossway Books, 1992.
- ² *Please Understand Me, Character and Temperament Types*
oleh David Keirsey & Marilyn Bates, Prometheus Nemesis
Book Company, 1978
- ³ *The Gift of Healing (Perasaan dan Emosi)*
Oleh Lee Bee Teik, Reconre Sdn Bhd 2004 (Wawasan
Penabur Sdn Bhd 2012)
- ⁴ *Your Personality and Your Spiritual Life*
Oleh Reginald Johnson, Monarch UK, 1971

“Didiklah orang muda
menurut jalan yang patut baginya,
maka pada masa tuanya pun
dia tidak akan menyimpang
Dari pada jalan itu”.
(Amsal 22:6)

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berdasarkan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan.

Dilahirkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.